

18/10/1997

Belanjawan: Ubat pahit tapi mujarab

Hafifi Hafidz; Khaidir Abd Majid

KUALA LUMPUR, Jumaat - Memohon rakyat dan pemimpin bersabar, berkorban, munasabah serta bijaksana menangani kegawatan ekonomi yang melanda Malaysia sekarang, Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini membenteng Belanjawan 1998 yang disifatkan sebagai `ubat pahit' tetapi `mujarab'.

Membayangkan belanjawan kali ini mungkin tidak disenangi kerana tiada menyediakan habuan besar, Timbalan Perdana Menteri penuh yakin dengan asas teguh ekonomi, muafakat rakyat dan prihatin kerajaan, ekonomi Malaysia akan keluar daripada kepayahan sekarang.

Memulakan ucapan belanjawan kali ketujuhnya sebagai Menteri Kewangan dengan mengimbas semula kisah Nabi Yusuf yang pernah beliau ingatkan empat tahun lalu, Anwar mengajak rakyat terus memiliki kewaspadaan dan menjadikan iktibar kisah itu untuk menghadapi cabaran terbaru serta tidak terduga.

Beliau meminta rakyat jangan menggelabah dan mematuhi nasihat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan semua pihak lebih berdisiplin dan cekal menghadapi masalah ekonomi berikutan nilai mata wang ringgit dan pasaran modal yang meredum.

Berbanding enam belanjawan lalu yang banyak memberi habuan kepada rakyat, Belanjawan 1998 dilihat sebagai `belanjawan melindungi rakyat' supaya tidak membazir dan berbelanja tidak menentu sehingga terjerumus dan dicengkam masalah ekonomi.

Dengan menerima hakikat bahawa ekonomi Malaysia berada di persimpangan jalan yang jika `tersilap langkah, antan patah, lesung hilang' Anwar berkata: "Kita berhadapan dengan tahun-tahun yang mencabar dan kita harus bersedia menerima sedikit kepayahan. Insya-Allah kita akan menggunakan segala pengalaman dan kebijaksanaan untuk membawa ekonomi keluar dari kegawatan sekarang."

"Anggaplah yang pahit ini sebagai ubat. Percayalah, kita memiliki daya dan kekuatan untuk berjaya. Kita harus bersabar menempuh ujian ini," katanya dalam ucapan belanjawannya di Dewan Rakyat, di sini.

Ucapan lebih sejam yang disulami petikan Surah Yusuf, kata-kata hikmat filasuf Kung Fu Tze dan penyair agung Tamil, Tiruvalluvar itu, disiarkan secara langsung dari Parlimen menerusi radio dan televisyen serta Internet.

Belanjawan berjumlah RM64.124 bilion itu memperuntukkan RM45.633 bilion bagi pengurusan dan RM18.491 bilion untuk pembangunan, naik 1.9 peratus daripada jumlah 1997 iaitu RM59.982 bilion. Bagi 1997, RM42.713 bilion diperuntuk bagi perbelanjaan mengurus dan RM17.269 bilion untuk perbelanjaan pembangunan. Jumlah itu kurang 1.2 peratus berbanding peruntukan 1996.

Anwar berkata, bagi 1998 Kerajaan Persekutuan dianggarkan menerima hasil RM68.058 bilion iaitu lebih keseluruhan sebanyak RM3.934 bilion.

Beliau bagaimanapun menyifatkan defisit dalam akaun semasa imbalan pembayaran tahun ini yang berjumlah lebih RM13 bilion atau lima peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) sebagai permasalahan utama yang perlu ditangani menerusi langkah segera yang lebih tegas dan berani.

Bagi memperkukuhkan asas ekonomi makro, Anwar mengumumkan pelaksanaan beberapa projek raksasa setakat ini bernilai RM65.6 bilion, ditangguhkan.

Untuk merangsang pertumbuhan ekonomi, khususnya meningkatkan kegiatan Industri Kecil dan Sederhana (IKS), beliau mengumumkan penubuhan dana baru bernilai RM1 bilion.

Seperti tahun lalu, Timbalan Perdana Menteri menunjukkan kemurahan hati kerajaan kepada semua kakitangan - kumpulan pengurusan dan profesional serta kumpulan sokongan dan kumpulan setaraf dengannya bagi anggota polis dan tentera - dengan mengumumkan bayaran bonus sebulan gaji dengan minimum RM700.

Bayaran ansuran pertama RM500 dibuat Disember ini manakala bakinya April 1998. Bagaimanapun, mulai tahun ini kerajaan akan melaksanakan pembekuan pengisian 2,700 jawatan pembantu tadbir.

Sambil menjangka pertumbuhan ekonomi tahun depan adalah sederhana tanpa melebihi tujuh peratus, Timbalan Perdana Menteri menggariskan empat strategi belanjawan 1998 iaitu:

- * Memperteguhkan asas ekonomi dan menstabilkan pasaran kewangan;
- * Mengekalkan pertumbuhan mapan;
- * Meneruskan proses deregularisasi dan liberalisasi ekonomi, dan
- * Meneruskan agenda sosial bagi pembangunan yang menyeluruh.

"Kita akan dapat mencapai pertumbuhan yang dijangkakan itu sekiranya berjaya meningkatkan produktiviti dan daya saing," katanya.

Bagi memperteguhkan asas ekonomi, Anwar mencadangkan langkah mengukuhkan imbalan pembayaran, meningkatkan daya saing eksport, mengurangkan import, merapatkan jurang tabungan-pelaburan dengan menambah meningkatkan simpanan dalam negeri.

Katanya, syarikat yang mengeksport keluaran yang mempunyai nilai tambah 30 peratus diberi pengecualian cukai 10 peratus daripada nilai peningkatan eksport manakala 15 peratus jika mempunyai nilai tambah 50 peratus.

Antara langkah drastik mengurangkan penggunaan barang import dan menggalakkan jenama tempatan ialah duti import ke atas kereta mewah iaitu van, pacuan empat roda, motosikal besar sama ada dalam bentuk siap dipasang (CBU) atau komponen tercurai (CKD) dinaikkan.

Bagi kereta CBU, ia dinaikkan daripada 140 kepada 300 peratus manakala CKD antara 42 peratus kepada 80 peratus. Motosikal CBU pula antara 80 hingga 120 peratus manakala CKD lima peratus kepada maksimum 30 peratus.

Cukai jualan 10 peratus juga dikenakan kepada motosikal yang kapasiti enjinnya melebihi 200cc ke atas. Motosikal jenis itu dinaikkan cukai jalan di antara RM150 dan RM400 setahun. Bagaimanapun, kereta kurang daripada 2,000cc tidak dinaikkan cukai jalan.

Anwar berkata duti import lima hingga 20 peratus juga dikenakan bagi import jentera berat dan kemasukannya mesti mendapat kelulusan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Bagi mengurangkan rakyat melancong ke luar negara, bayaran dokumen perjalanan antarabangsa dinaikkan daripada RM145 kepada RM300 bagi pasport 32 muka manakala pasport 60 muka daripada RM300 kepada RM600. Bayaran untuk pasport terhad pula dinaikkan kepada RM150 daripada RM60.

Langkah lain untuk membendung aliran wang keluar negara termasuk menarik balik pelepasan cukai tambahan untuk anak yang belajar di institusi pengajian tinggi asing.

Bagi mengawal pertumbuhan kredit yang tinggi, Anwar mengumumkan had pinjaman pembelian kereta penumpang dikurangkan lima peratus kepada 70 peratus manakala tempoh pembayaran hanya dihadkan lima tahun.

Anwar juga mengumumkan cukai korporat turun dua peratus kepada 28 peratus bagi mengekalkan pertumbuhan mapan sektor swasta.

Sebagai usaha kerajaan menggalakkan penggunaan teknologi maklumat (IT), belanjawan kali ini menyaksikan pemberian rebat RM400 bagi sebuah keluarga bagi satu pembelian komputer untuk tempoh lima tahun sekali.